

## **Elemen meneroka bukti dalam pembelajaran Sejarah menggunakan sumber dokumen teks**

### **ABSTRAK**

Pembelajaran Sejarah dengan sumber dokumen teks di sekolah menengah atas telah dikaji. Tiga sumber dokumen teks dengan tajuk, "Perjuangan Mat Salleh menentang pendudukan British di Sabah", dianalisis menggunakan Model Pemikiran Sejarah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes kolektif. Empat belas pelajar dari 2 buah sekolah menengah kebangsaan harian di Sabah menjadi sampel kajian. Kaedah pengumpulan data kualitatif adalah melalui kaedah pemerhatian, temu bual kumpulan berfokus dan analisis dokumen. Didapati semua pelajar dapat membina Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) dengan elemen meneroka bukti. Analisis data menunjukkan pelajar-pelajar membina elemen meneroka bukti dengan; mengemukakan pelbagai pendapat tentang penulis dokumen teks berdasarkan bukti, meneroka kebenaran bukti sejarah seperti sejarawan, mengenalpasti lokasi dan tempat perjuangan pemimpin tempatan, serta mempelajari peristiwa sejarah tempatan dengan pengesahan bukti sejarah.